

Headline **Ubah persepsi takut jarum**  
Date **16 Apr 2010**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **26**  
Article Size **118 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,537**  
PRValue **7,611**



# Ubah persepsi takut jarum

**K**UALA LUMPUR: Takut jarum dan naik berat badan menjadi faktor utama menghalang rakyat negara ini untuk menderma darah walaupun kempen giat dijalankan pusat darah negara dan hospital.

Pegawai Perubatan Pusat Darah Negara, Dr Nursyahida Noor Abdullah berkata, faktor itu menyebabkan ramai tidak mahu menderma darah walaupun negara memerlukan bekalan membantu pesakit yang kehilangan darah.

Katanya, persepsi masyarakat adalah salah kerana dengan menderma darah, badan mereka sentiasa sihat kerana sel darah baru akan wujud selepas proses derma berlaku.

“Kami mahu masyarakat sedar proses derma darah akan menjadikan tubuh me-



**TENANG**  
...pelajar Unisel, Mohd Fauzul Aleem menderma darah di FRIM, semalam.

reka lebih sihat kerana darah yang diderma akan diganti baru.

“Kami harap kempen yang diadakan di agensi kerajaan, swasta dan pusat membeli-belah mendapat sambutan menggalakkan kerana mahu darah yang diderma mereka dapat membantu insan yang memerlukan,” katanya ketika

ditemui pada majlis derma darah di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, di sini, semalam.

Pada majlis itu, turut diadakan pemeriksaan payudara dan tulang yang mendapat sambutan kira-kira 300 kakitangan FRIM dan orang ramai.